

RAHSIA EMEL MARKETING



Edmund Loh

Hak Cipta Terpelihara © Edmund Loh

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan ebook ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada pihak penulis.

Kebanyakan gambar digunakan adalah sekadar hiasan tiada kena mengena dengan artikel atau individu itu sendiri.

Diterbitkan oleh Musemancer SDN BHD (865621-T)

Website: www.InternetMarketingMalaysia.com

FB Page: <https://www.facebook.com/mobilewealthworkshop/>

KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| 5,000 E-mel Promo dan 100,000,000 Hebahan Kemudian | 5 |
| 9 Juta Sebab Anda Harus Buat E-mel Marketing | 8 |
| Mengapa Ramai Pemasar E-Mel Gagal (Dan Bagaimana Anda Boleh Hindari Kesilapan Ini) | 12 |
| Formula E-Mel Marketing Power | 22 |
| Formula Siri 5 E-Mel Untuk Prospek | 23 |
| Prinsip Menulis E-Mel Untuk Marketing | 35 |
| Siri 3 E-Mel Untuk Pelanggan | 40 |
| Formula Broadcast E-Mel | 46 |
| Bagaimana Nak Terus Dapatkan Idea Untuk E-Mel | 47 |
| Pengenalan Kepada Autoresponder Untuk Newbie | 54 |
| Apa Itu Autoresponder (AR) Dan Apakah Fungsinya? | 54 |
| 2 Jenis Hebahan E-Mel | 56 |
| Autoresponder Mana Yang Patut Saya Gunakan? | 60 |
| Buka Akaun Dengan Aweber PERCUMA | 60 |
| Bagaimana Setup Aweber (Langkah Demi Langkah) | 62 |
| Langkah 1: Setup E-mail List | 63 |
| Langkah 2: Ciptakan Opt-In Form | 73 |
| Langkah 3: Embed Kod Ke Dalam Landing Page | 79 |
| Langkah 4: Add Subscriber Secara Manual | 79 |
| Bagaimana Nak Setup Kempen E-Mel Dalam Aweber | 85 |
| Bagaimana Nak Setup Kempen E-Mel Follow-Up | 85 |
| Bagaimana Nak Buat Broadcast (Hebahan) | 95 |

RAHSIA EMEL MARKETING

| | |
|---|-----|
| Pemasaran E-Mel: Growth Hacking | 101 |
| Soalan Lazim | 106 |
| Menuju Pembinaan Bisnes Online 5-6 Angka Sebulan Dengan E-mel | 112 |
| Bio Pengarang: Edmund Loh | 114 |

5,000 E-mel Promo dan 100,000,000 Hebahan Kemudian

Terima kasih dan tahniah kerana memilih untuk mendapatkan panduan pemasaran e-mel saya!

Pada masa panduan ini dikarang, saya telah menulis lebih daripada 5,000 e-mel promo dan membuat hebahan melebihi 100,000,000 e-mel sepanjang kerjaya Internet saya. Saya juga telah berjaya menjana jualan dalam lingkungan 7 angka hasil daripada kempen pemasaran e-mel.

Oleh itu, jangan menilai panduan ini daripada bilangan mukasurat tapi kemahiran yang bakal anda kuasai.

Nama saya Edmund Loh dan saya akan kongsi pengalaman dan teknik yang saya gunakan sejak tahun 2005 untuk membina bisnes Internet saya melalui e-mel, dan bagaimana anda boleh roketkan jualan, tingkatkan closing - semua melalui e-mel.

Sedikit sebanyak yang akan saya liputi dalam panduan ini:

- Rahsia E-mel Marketing: bagaimana benar-benar menggunakan e-mel untuk roketkan jualan, tingkatkan closing dan bina hubungan padu dengan prospek, subscriber dan pelanggan
- Tujuan sebenar E-mel Marketing dan mengapa ramai peniaga buat kesilapan ini (supaya anda jangan ulangi!)

RAHSIA EMEL MARKETING

- Formula E-mel Marketing: saya kongsi 4 formula asas tapi power yang anda boleh pakai
- Bagaimana menulis e-mel yang akan dibuka dan dapatkan klik (tingkatkan open rate, click rate)
- Bagaimana mendapat ilham dan idea dan tulis e-mel dalam masa beberapa minit sahaja
- Langkah-demi-langkah bagaimana dapatkan autoresponder dan setup untuk bina database e-mel sendiri walaupun anda bukan orang teknikal
- Siri e-mel 5 bahagian saya untuk bina kredibiliti, tawan hati pelanggan iaitu 'click to customer'
- Berapa kerap patutkah anda hantar e-mel, dan masa / hari paling best
- Bagaimana proses ini boleh di-otomatikkan atau dijadualkan terlebih dahulu (ini hampir mencapai status 'passive income'!)
- Dan banyak lagi...

Saya harap anda excited macam saya juga, dan kalau anda sangsi samada saya ini sekadar jual air liur atau benar-benar dapat results, saya tepek screenshot terkini:

RAHSIA EMEL MARKETING

| | |
|-----------------------|--|
| service@paypal.com.. | Minh [redacted] just sent you \$37.00 USD with PayPal. - [redacted] |
| Living .. Andre 10 | Notification of Payment Received - Sep 27, 2020 08:47:37 SST Tran |
| service@paypal.com.. | Kevin [redacted] just sent you \$19.95 USD with PayPal. |
| service@paypal.com.. | Nimzo [redacted] just sent you \$37.00 USD with PayPal |
| service@paypal.com.. | Nimzo [redacted] just sent you \$8.50 USD with PayPal. |
| David .. That's 37 | Notification of Payment Received - Sep 23, 2020 20:39:28 SST Tran |
| service@paypal.com.. | WIT [redacted] just sent you \$27.00 USD with PayPal. |
| service@paypal.com.. | Amad: [redacted] just sent you \$49.00 USD with PayPal. |
| service@paypal.com | TODAY'S SELLER SNAPSHOT SEE DETAILED STATS |
| service@paypal.com | CLICKS: 1,178 GROSS REVENUE: \$2,503.50 PAID TO AFFILIATES: \$1,378.84 |
| service@paypal.com | VISITORS: 878 |
| service@paypal.com | SALES: 98 |
| Arthur .. Red, VSE 10 | YOUR DAILY PROFIT: \$1,124.66 |
| | TODAY'S AFFILIATE SNAPSHOT SEE DETAILED STATS |
| | CLICKS: 2 GROSS REVENUE: \$1,100.00 |
| | VISITORS: 6 |
| | SALES: 1 |
| | YOUR EARNINGS: \$550.00 |
| service@paypal.com.. | Karen [redacted] just sent you \$17.00 USD with PayPal. |
| service@paypal.com.. | Karen [redacted] just sent you \$37.00 USD with PayPal. |
| service@paypal.com.. | Karen [redacted] just sent you \$8.60 USD with PayPal. - |
| service@paypal.com.. | Karen [redacted] just sent you \$19.96 USD with PayPal. |

Ini hasil dari hebahan e-mel promo ke mailing list saya. Ini cuma satu kempen; saya pernah jana hasil lebih dan kurang daripada ini.

Dan saya juga ingin ambil kesempatan ini untuk 'set expectations': ini tidak bermaksud anda jamin akan dapat hasil yang sama. Mungkin anda jana lebih atau kurang. Terpulang kepada jenis perniagaan anda, harga produk anda, bagaimana anda laksanakan kempen dan strategi pemasaran e-mel masing-masing.

Tapi apa yang saya boleh jamin dengan yakin: selagi anda tambahkan komponen pemasaran e-mel ke bisnes anda, lebih besar kebarangkalian anda akan dapatkan sales yang laju dan paling kurang pun dapat selamatkan sales. Nak buat e-mel marketing bukannya rumit. Janji anda baca panduan ini sekarang, implement pun hari ini juga, k?

Baik, kita mulakan sekarang.

9 Juta Sebab Anda Harus Buat E-mel Marketing

Dalam jangka masa 5 tahun ini, perniagaan Internet saya telah menjana hasil jualan RM 9 juta. Dan sepanjang perniagaan saya sejak tahun 2005, saya telah mencecah 8 angka RM keseluruhan (gross revenue).

Entah anda ini kagum ke tidak, bagi saya ini satu pencapaian yang sederhana jika dibandingkan dengan perniagaan-perniagaan lain yang lebih besar dan menjana sales dalam lingkungan berpuluhan dan beratus jutaan ringgit mahupun USD.

Dan betul juga, bukan semua sales saya adalah hasil dari e-mel; sejak tahun 2017 saya lebih tekankan kepentingan media sosial. Tapi tidak boleh dinafikan, e-mel memainkan peranan utama dan penting dalam strategi pemasaran saya sejak dulu. Saya menggunakan pemasaran e-mel dalam tahun pertama saya mulakan bisnes Internet. Sehingga kini, saya masih pengguna tegar e-mel.

Mengapa saya terus menggunakan e-mel untuk pemasaran sehingga sekarang?

1. E-Mel Masih Saluran Jualan No. 1 Secara Online

Menurut GetResponse, "E-mail Marketing is still the leading sales channel online". [sumber: <https://www.getresponse.com/blog/email-best-marketing-channel>]

Walaupun Internet nampaknya didominasi dengan media sosial, e-mel masih penting kerana ianya benda paling asas yang diperlukan untuk

mendaftar mana-mana akaun secara talian. Juga, e-mel biasanya dibuka dan dibaca terlebih dahulu pada permulaan hari bagi kebanyakan orang serata dunia!

2. Bina Hubungan Profesional

Biasanya ramai orang tak beli pada awalnya ada banyak sebab seperti kurang percaya, rasa tak perlu, tak begitu minat sekarang, tak mampu bayar, dan lain-lain...

Dengan e-mel, anda boleh ambil peluang ini untuk share lebih tentang anda, produk anda, testimonial, cerita dan latar belakang, dan sebagainya. Yang best sekali, dengan e-mel marketing anda boleh setup kempen ini untuk jalan secara otomatis! (saya akan cover ini dengan lebih lanjut dalam panduan ini...)

3. Boleh Follow-Up Dengan Prospek (Juga Secara Otomatik)

Andaikan anda mencapai conversion rate jualan 4%. Ini bermaksud baki 96% leads itu kehilangan kerana tak sempat nak touch base.

Sekarang dengan e-mel marketing, anda masih boleh follow-up dengan mereka dan tingkatkan conversion rate. Kalaupun anda berjaya dapat 2 lagi pelanggan, ini bermaksud ada peningkatan 50% dalam hasil jualan!

4. Jual Lebih Banyak Produk Atau Dapatkan Lebih Banyak Klien

Inilah cara online marketer dan bisnes menjana jualan pada bila-bila masa sebab mereka boleh hantar e-mel kepada list database mereka pada bila-bila masa!

5. Anda Dapat Mengawal Dan Memiliki Database Sendiri

Sedar ke tidak, kita sebenarnya tak memiliki akaun media sosial kita di Facebook, Instagram, dsb. ini semua dimiliki syarikat berkenaan dan mereka berhak suspend akaun bila-bila masa.

Lagipun, kita tak ada details Fans dan followers seperti emel dan no telefon mereka, melainkan kita minta dari mereka. Satu lagi sebab kenapa anda perlu buat e-mel marketing kalau belum buat lagi!

6. E-Mel Marketing Mudah Dikendalikan Dan Kos Amat Rendah!

Nak bincang kos, cuma yuran autoresponder tiap-tiap bulan yang biasanya USD20 atau RM80+ untuk permulaan (upgrade nanti bila database lebih besar)

Bagi yang tak tahu, autoresponder itu satu software untuk simpan database dan ada fitur untuk buat hebahan e-mel. Dengan kos ciput ini, cuma dapat 1 pelanggan dah boleh cover!

Peluang Keemasan

Kalau anda seorang peniaga, marketer, ejen, affiliate, jurujual, coach, consultant, atau jurulatih...

Anda menjual produk atau perkhidmatan...

Anda tengah kejar leads atau sudah ada senarai database pelanggan / prospek...

Anda berpeluang untuk meroket hasil jualan anda sehingga berlipat ganda dengan pemasaran e-mel!

Setup tidak rumit, dan memandangkan ramai lagi bisnes di Malaysia kurang menggunakan e-mel (dengan betul) tak hairan jika anda boleh jadi market leader atau hentam pesaing kaw kaw dengan hanya menambahkan komponen ini kepada strategi pemasaran anda!

Saya juga akan cover ini dengan lebih terperinci nanti dalam panduan ini, termasuk bagaimana nak daftar dan buat setup.

Mengapa Ramai Pemasar E-Mel Gagal (Dan Bagaimana Anda Boleh Hindari Kesilapan Ini)

Pada peringkat awal kerjaya Internet Marketing saya, saya telah bersusah payah untuk kumpul subscriber e-mel seramai... 12 orang sahaja. (Tak silap saya, ada lebih ramai orang hadir upacara pengebumian nenek saya, hmmm...)

Ketika itu, saya selalu pergi ke forum Internet Marketing utama di Internet iaitu Warrior Forum. Di sinilah berkumpul sifu-sifu Internet yang beri nasihat dan petunjuk, dan lahir juga ramai usahawan Internet yang berjaya hari ini. Namun begitu, forum ini tidak begitu aktif macam dulu disebabkan oleh arus perubahan terutamanya media sosial dan bilangan platform yang lebih daripada dulu.

Berbalik kepada cerita saya...

Saya selalu dengar mantra, "**the money is in the list.**"

Maksudnya kalau anda nak bina bisnes Internet, kena bina mailing list (senarai e-mel) dan hantar e-mel kepada mereka. Mantra ini masih relevan hari ini.

Akan tetapi, bila saiz list hanya 12 orang subscriber, dan saya sendiri seorang newbie, saya tidak yakin nak 'hard sell' kepada mereka. Sebaliknya, saya beranggapan bahawa saya patut hantarkan e-mel yang mengandungi tips dan offer percuma, nak e-mel pun sekali seminggu dah cukup kerana kalau selalu hantar akan dianggap sebagai mengganggu. Tunggu nanti baru buat promosi.

Mungkin cara ini terlintas fikiran anda juga. Pendekatan ini macam betul dan masuk akal, kan?

... SALAH!

Waima saya hantar sekali seminggu, e-mel semuanya tips, artikel dan free gift, masih ada seorang subscriber unsubscribe dari list saya!

Malam itu saya susah nak tidur, menanya diri samada saya ada tersilap tulis/kata dalam usaha pendekatan saya terhadap mailing list saya ini. Haha, itulah sebahagian perjalanan seorang newbie nak jadi sifu dalam marketing...

Mengapa saya kongsi cerita ni? Kerana walaupun sekarang Internet Marketing dah lebih maju berbanding dengan masa saya mula pada tahun 2005, masih ada ramai peniaga dan marketer yang mempunyai pelbagai persepsi salah mengenai pemasaran e-mel.

"Saya patut hantar e-mel mengenai tips, artikel, blog post, hadiah percuma..."

"Saya kena tunggu satu, dua minggu baru buat promosi..."

"Saya hantar e-mel sekali seminggu atau sekali sebulan dah cukup, kalau kerap sikit nanti dianggap menjengkelkan..."

Salah. Salah. Salah.

Tujuan Anda Buat E-Mel Marketing Adalah Untuk Make Money. Itu Saja.

Tiada tujuan lain.

Mailing list bukan untuk hiburan subscriber anda.

Mailing list bukan untuk bagi free content semata-mata.

Anda buat tawaran. Anda jana wang. Rinse and repeat. Itu saja.

"Huh? Tapi bukankah cara itu hard sell sangat? Nanti subscriber pun muak juga, kan?"

Fuuu... banyak betul limiting belief ini. Sekarang dah tahulah mengapa saya karangkan panduan ini. Tak apa, biar saya bantu. :)

Cuba pertimbangkan senario-senario yang berikut...

😞 Kalau anda selalu bagi free stuff (benda percuma) macam mana anda nak jana wang nanti??

🤔 Dan kalau anda asyik beri free stuff, bukankan anda hanya melatih subscriber supaya terus expect free stuff sahaja? Mutu mailing list akan kelaut, nak buat promotion nanti pun susah juga nak set balik expectation. "Anything that is given for free is not appreciated."

🕒 Jika anda hantar e-mel sekali sebulan, sekali seminggu sahaja... saya jamin subscriber anda akan lupa anda atau takkan layan anda dengan serius.

📧 Pada masa yang sama, subscriber anda mungkin juga subscribe kepada mailing list pesaing anda. Jadi dia berada di mailing list anda DAN juga pesaing anda. Dan jika pesaing anda lebih kerap hantar e-mel, siapa subscriber akan ingat? Anda atau pesaing anda? Anda sudah tahu jawapannya. Ini seolah-olah "leaving money on the table" untuk pesaing anda.

Jadi apa kesimpulan kita boleh buat?

💰 Jangan manjakan subscriber anda dengan free stuff - sekali boleh (masa mereka opt in), tapi jangan jadi tabiat. Itu bukan tujuan asal mereka subscribe.

💰💰 Semua mesej e-mel anda harus berpandukan tawaran dan promo (saya cover sekejap lagi...)

💰💰💰 Hantar e-mel biar sekerap mungkin. Tiada jawapan betul, tapi kalau nak objektif sikit, saya sarankan hampir tiap-tiap hari. Soal mana nak dapat idea dan ilham itu letak tepi dulu, ini masalah kecil yang saya dah cover dalam bab formula e-mel.

Dan ya, subscriber yang akan tinggalkan list anda itu memang perkara biasa yang patut diterima.

Tak kira prospek ataupun pelanggan.

Tak kira juga anda hantar e-mel sekali seminggu atau tiap-tiap hari, memang akan ada orang yang unsub.

Ini numbers game. Bisnes telekomunikasi pun berdepan dengan pembatalan langganan tiap-tiap hari walaupun ini dikira sebagai keperluan asas, namun bisnes tetap berkembang!

Jadi terima sajalah ini sebahagian daripada menjalankan bisnes dan pemasaran e-mel tidak terkecuali. Yang anda boleh buat ialah membina mailing list anda lebih besar daripada yang unsubscribe, dan ada hikmah juga tiap-tiap kali orang unsubscribe kerana anda hanya nak berurusan dengan subscriber (prospek, pelanggan) yang serius dan benar-benar minat dengan mesej anda.

Rahsia Jual Tanpa Menjual?

Jangan anggap bahawa saya utarakan cara hard sell, ya. Nak buat e-mel marketing pun ada caranya. Yang penting, kita nak dapat results, kita nak dilihat sebagai market leader dan authority figure dalam bidang masing-masing.


Ada satu istilah yang saya praktikkan dalam tulisan e-mel saya iaitu


EDUTAINMENT = Education + Entertainment


Dengan erti kata lain: memberi pendidikan di sambil hiburan.

Jangan tersilap sasaran ya: last-last pun kita nak minta subscriber take action sekarang - klik link pergi website, pergi sales page, beli barang, hubungi anda, dsb.

Fikirkan...

 Kalau anda dalam bidang yang teknikal seperti marketing, Forex, dll. cabarannya ialah bagaimana nak jadikan topik yang bosan ini MENARIK?

 Prospek dan pelanggan anda ada masalah, dan anda ada cara penyelesaian. Mengapa mereka tak nak beli sekarang? Mungkin mereka ada limiting belief juga (mitos, khabar angin, sangkaan salah) sebab itulah anda kena ambil peluang ini buat didikan sikit melalui e-mel anda dan menyangkal semua persepsi tak tepat ini.

 Dalam bidang pacaran (dating) ada satu kepercayaan umum bahawa "your value starts at zero" atau nilai anda mula dari KOSONG di mata temujanji baru anda. Ini juga boleh diaplikasikan kepada marketing. Subscriber yang belum kenal anda anggap nilai anda 0 sekarang, jadi gamenya ialah macam mana nak DEMONSTRATE VALUE melalui e-mel anda? Bahawa anda ini market leader, ada cara penyelesaian, dan mengapa pilih anda? Ini saya cover dalam bab seterusnya...

CALL TO ACTION

Dalam tiap-tiap e-mel saya, saya selalu ada 1 Call To Action (CTA). Satu saja.

Saya ajak subscriber ambil tindakan sekarang - biasanya klik link dalam e-mel untuk pergi website seterusnya. Saya tak beri aneka pilihan. It's either you click here now or don't.

Rasional saya: kalau anda bagi lebih daripada satu pilihan, anda hanya cetuskan kekeliruan. Dan orang yang keliru takkan ambil apa-apa tindakan.

Sebab itu dalam setiap e-mel saya, saya bincang tentang 1 perkara saja, 1 offer saja. Bukan cuba nak muatkan banyak offer dalam satu e-mel.

Dan oh ya...

Jangan Jual Melalui E-mel!

"Huh? Baru tadi ko kata 'make money' sekarang jangan jual?"

Itu tugas sales page.

Tujuan e-mel ialah PRE-SELL iaitu sell the click. Bina rasa ingin tahu (curiosity) dan beri gambaran yang menarik.

E-mel tidak perlu ditulis panjang-panjang; 100 - 300 patah perkataan dah cukup, walaupun saya jarang buat word count. Dari e-mel, saya hantar subscriber pergi sales page, biar sales page yang buat penjelasan terperinci dan jualan.

"Saya Tak Ada Idea Nak Tulis..."

Sebentar lagi, saya akan cover formula menulis e-mel promo. Tapi saya selalu dapat soalan ini. Sebenarnya, idea memang banyak kalau anda tajam pemerhatian atau fikir lebih kreatif.

Apa pun umur anda, saya yakin anda pengalaman dan cerita hidup sendiri, boleh share sikit melalui e-mel anda. Ini juga satu motivasi untuk menjalankan hidup yang lebih exciting sikit.

Dan andaikan anda memang TIADA idea...

Boleh tak 'pinjam' cerita dari akhbar? Kawan lain? Bincang isu semasa dan kaitkan ke offer anda?

"Saya Tak Ada Masa!"

Tulis e-mel tak memakan banyak masa. Saya nak tanya anda, kalau anda luangkan 10 - 15 minit tulis satu e-mel, hantar ke mailing list anda dan dapat sales... berbaloi tak?

Kalau tambah 10% hingga 20% income bulan ini, sudikah anda tulis e-mel?

Ataupun sales 2 kali ganda atau lebih... sudikah anda?

Sudah tentu anda jawab ya!

"Tapi, Saya Tak Pandai Menulis..."

Tak payah 100% tatabahasa (anda baca panduan ini pun tahu saya rojak sikit Bahasa saya) selagi subscriber faham mesej yang anda utarakan itu lebih penting.

Tak kira Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia ataupun bahasa lain.

Kalau tak yakin sangat dengan tulisan anda, saya sarankan perbanyakkan latihan saja. Boleh minta tolong keluarga atau kawan untuk semak tulisan anda sebelum tekan butang "SEND" dalam autoresponder.

"List Saya Kecil... Patutkah Saya E-mel Sekarang Atau Tunggu Nanti?"

Ini kesilapan klasik. Dah hilang kira berapa kali saya dengar marketer cakap tunggu sampai list besar sikit baru nak start hantar e-mel.

Tabiat e-mel marketing kena pupuk dari awal. Tak kira ada 12 orang subscriber (macam saya dulu) atau 1,000 atau 10,000 atau lebih... anda kena hantar e-mel promo dengan frekuensi tetap (hampir tiap-tiap hari paling best) supaya anda boleh latih subscriber nak expect anda.

Lantaklah yang tak suka, seperti saya katakan awal tadi, mereka boleh unsub dan anda tumpukan perhatian atas mesej anda dengan yang serius dan berminat sahaja.

Ingat! Otai-otai marketer lain sudah lama buat e-mel marketing. Syarikat e-com macam Lazada, Shopee, dll. pun buat e-mel marketing juga. Jadi, kenapa anda masih sangsi nak buat lagi? Jom ambil tindakan sekarang!

Formula E-Mel Marketing Power

Bab inilah tumpuan utama panduan ini. Setakat ini, saya share kesilapan umum yang peniaga dan marketer lain buat dengan pemasaran e-mel dan juga utarakan mindset yang betul supaya formula ini baru masuk akal.

Bila orang join mailing list anda pertama kali, biasanya mereka belum kenal anda apa lagi nilai produk atau perkhidmatan anda. Tak kiralah harga produk anda tinggi atau rendah, anda anggap diri pakar atau newbie, baru atau dah lama bertapak dalam bidang anda...

YOUR VALUE STARTS AT ZERO.

Dulu bila saya belajar dating dari seorang Pick-Up Artist dari negara Iran, beliau utarakan idea ini bahawa di mata gadis yang baru jumpa, dia anggap nilai anda 0. Jadi kalau nak tawan hatinya, anda kena DEMONSTRATE VALUE. Sebagai lelaki jantan, kena tonjolkan sifat kelelakian seperti jaga rupa, badan jangan gemuk kalau boleh sado sikit, pandai berbual dan menggoda, dll.

Haha anda mungkin fikir, "eh saya silap beli panduan dating ke?" saya tak lari tajuk, cuma beri contoh. Sebab dari segi tertentu, ini sama dengan marketing. Kalau bukan nak tawan hati gadis idaman, nak menangkan hati pelanggan juga. Nak menangkan hati pelanggan, kena bina kredibiliti cepat dan demonstrate value. Dan salah satu cara nak demonstrate value ialah melalui... ya, e-mel!

Melalui e-mel, anda boleh hebah / hantar mesej yang berpaksikan:

- Pembinaan kredibiliti diri
- Cerita yang prospek / pelanggan anda boleh relate
- Testimoni dan kajian kes
- Breaking limiting beliefs iaitu menghapuskan sangkaan salah dan masalah keyakinan

Ada banyak cara, tapi selepas mencuba berpuluh-puluh jenis formula, saya dah fine tune dan guna formula siri e-mel ini yang anda boleh ikut. Saya juga sertakan contoh supaya anda boleh senang model.

Formula Siri 5 E-Mel Untuk Prospek

Hari 1: Set Expectations

Inilah e-mel pertama dan juga yang paling penting kerana secara virtual, anda sememangnya 'sediakan pentas dan arena'. Pelawat dah lawat website anda, masukkan nama, e-mel dan mungkin nombor telefon, dan baru masuk mailing list anda. Selain iklan dan mesej di Landing Page, dia belum tahu apa-apa lagi mengenai anda.

Selamat Datang: beri sepatah dua kata, ini straight forward.

Link Muatturun: kalau ada janjikan FREE Gift seperti e-book, video, webinar, template, dsb. berikan download link.

Perkenalkan Diri: share sikit kredibiliti diri, mengapa anda buat atau pilih kerja anda, dan bagaimana anda boleh membantu. Ringkaskan asal-usul diri, jangan panjang cerita sangat. Ini kita simpan untuk e-mel akan datang.

Apa Yang Patut Dijangkakan: umumkan apa yang patut expect dalam e-mel seterusnya dan akan datang.

P.S.: Ini peluang pertama anda boleh buat offer. Tak perlu tulis panjang, 1-2 perenggan dah cukup. Ini juga supaya anda tidak dianggap sebagai 'hard sell' malah ada peluang segelintir subscriber akan take action dan beli dulu tanpa menunggu e-mel akan datang. The promotion starts NOW.

Your PDF Book "PLR Mastery" download is here...

It's Edmund Loh here. As promised {!firstname_fix}, here is your download...

[Download My PDF Book "PLR Mastery"](#)

Since 2005, I've sold millions of dollars in digital products and services purely through the Internet. So yes, I've been around for more than a while. :)

Dozens of my products became marketplace bestsellers on JVZoo, WarriorPlus and ClickBank. And here in Malaysia, I have been featured in the local media such as The Star, Borneo Post and Malaysia Management.

I share all these not to brag, but I know how important proof is to you.

Because if you've been marketing online or at least explored this for a couple of months, then you must have heard why you must have your own products and funnels.

And it makes sense; all the successful online marketers are doing it!

But there's just one problem: ACTUALLY creating the product.

What if you're not good at writing?

What if you don't have the time?

What if you're ready to fork out thousands of dollars on content creation?

If you have these concerns, I asked the same questions many years ago.

And I found the answer in Private Label Rights (PLR).

PLR basically means you get the rights to not only resell the product, but also be able to do your own customization such as putting your name and branding, editing the contents, and repackaging to other formats.

It's a lot more affordable, the contents are ready-made, and I'll show you how to take advantage of it in my book PLR Mastery.

So you too can have your first product and funnel in the fastest time possible instead of wasting away weeks or months just getting ready.

And in the coming days, I'll be sharing my insights, strategy and know-how through my newsletter.

Why am I doing this FREE? In a show of value, and soon you'll discover why more than 30,000 Customers choose me.

And if you think my free stuff is awesome, wait until you see what I have in store for you with my paid programs and higher level packages.

Anyways I want us to get on a right start and set the right expectations. Cool?

Look out for my email tomorrow,

Edmund Loh

P.S. Currently I am running a special deal where you can get 9 of my high quality works with Private Label Rights for just one dollar each. Only for my new subscribers.

Hari 2: Drama Klimaks -> Latar Belakang Cerita -> Halangan

Imbas kembali filem, video game dan komik yang anda pernah tonton dan baca. Ada satu teknik cerita iaitu mula dengan klimaks plot, kemudian baru start. Contoh-contoh filem yang menggunakan teknik ini ialah Sonic: The Hedgehog (2020), Deadpool (2016), Forrest Gump (1994), The Greatest Showman (2017), dan banyak lagi contoh "how did I get here".

Itulah cara kita nak tulis e-mel ini. Sebab kalau kita nak start dari mula-mula, akan mudah bosan dan kena tunggu build-up. Subscriber nak tengok benda-benda yang menarik SEKARANG. Apa benda menarik itu? RESULTS. OUTCOME!

Drama Klimaks: share results yang anda dapat sekarang, huraikan pengalaman, perasaan. Ini kena jadi objek atau tumpuan idaman prospek.

Latar Belakang Cerita: tapi ini bukan selalunya macam itu, satu ketika dulu anda juga macam prospek anda. "I was just like you" ini penting sebab walaupun anda ada results boleh share, ini masih tak cukup

RAHSIA EMEL MARKETING

meyakinkan dan ada tanggapan anda ini istimewa atau berbakat. Oleh itu, kena relate balik kepada prospek dalam keadaan SEKARANG.

Halangan: lepas share hidup atau keadaan anda sebelum TRANSFORMASI, nyatakan 1 HALANGAN itu. Halangan itulah yang prospek anda tengah struggle nak atasi.

I froze up on stage...



This was me speaking on stage to a crowd of 400 people in 2009. I was nearly 4 years into the business, and people were billing me as one of the fastest rising Internet Marketers in Asia.

Thing is, I didn't quite see myself as a guru (still don't today) and I was like, "how did I get here??"

Because just a few years before, I was anything but THAT.

I mean, if you take a look at my resume, it's far from impressive...

○ I had zero business experience prior to going online. Heck, I worked an office boy's job (does that count?)

💰 I tried to succeed online by being an affiliate and reseller of other people's products

👤 But I felt I wasn't smart or qualified enough to make my own product or content

🙄 And because I was just another 'me too' marketer, why should people listen to me? Because of this catch-22 situation, I struggled to make sales let alone grow my online business

😱 It came to a point I was months behind on rent and bills that I was *this close* to being evicted!

Can you relate {!firstname_fix}?

Because if you're trying to build your business online, you're probably told things like

"Build your email list"

"Have your own products and funnels"

"Be an authority figure and dominate your niche"

While true, the problem is... it takes a lot of time to develop a product. Or deep pockets to hire talent to do it. And I had the luxury of NEITHER.

I continued to struggle for months until I discovered a shortcut.

It is this 'shortcut' that enabled me to come up with my first product confidently - with my name on it - and generated my first few hundred dollars that month.

Which later go on to hit a few thousand dollars per month... then five figure months...

I went from absolute nobody to becoming a recognized name in the Internet Marketing arena within the first few years, that I got featured in the local media here in Malaysia and invited to speak on stage - even though I am a private person.

I continued to spawn multiple products and funnels that sell in a rather short time. What normally takes other people weeks or months, I took only a couple of days tops.

How would you like to know what I did and how you can do it too?

I cover this in my next email tomorrow, so keep your eyes peeled for it!

Edmund Loh

P.S. If you want to cut the chase on content creation and start with a collection of ready-made products you can rebrand and sell as your own, you might be interested to know I am doing a Subscribers Only special deal now.

[Click here](#)

I'm letting go 9 of my ready-made Internet Marketing titles you can take over and make do as your own. I also include the sales letters and graphics so you can edit and customize.

My Customers have been crushing it with my works - and I want you to experience that power. That's why in this special deal, they're going for only one dollar each!

[Click here](#)

Hari 3: Kesedaran -> 1 Rahsia

Kita sambung balik cerita dari e-mel semalam. Dalam Bahasa Inggeris, ini dipanggil "Epiphany" atau revelation.

Dalam erti yang lebih mudah difahami, ini adalah satu kesedaran.

The One Thing: kalau nak selesaikan masalah ini, kena buat 1 benda itu.

The One Secret: ... dan untuk buat 1 benda itu, anda barulah temui 'rahsia' ini yang selesaikan masalah itu!

Ingat! Jangan bagi list panjang-panjang. Rumuskan dalam 1 rahsia, supaya mudah difahami, prospek anda sekarang patut rasa lebih yakin dia juga boleh buat.

Turning monthly income into weekly income

Hey {!firstname_fix},


In the first few months I started my Online Business, I struggled to make even just a couple hundred dollars. I was making a bit of sales here and there, but hey never wing it on luck because it will run out eventually!

I believe success leaves clues so I studied what other top marketers were doing, what they have in common...

I arrived at a revelation that they normally have their own products and one-time offers (which evolved into sales funnels as we know it today)

And that was also when I learned about this thing called Private Label Rights.

There are typically 3 ways to create your own digital product...

 Do It Yourself: not everyone has a flair for writing and even if you do, it's just very time- and effort-consuming.

🙄 Pay Someone Else To Do It: almost every established information business and digital publishing company have their own in-house team or freelance writers to keep coming up with fresh content. But this requires deep pockets - something I didn't have at the time.

So is there still a way? Yes...

◆ Private Label Rights: I explained this in my book PLR Mastery. This might come as a surprise, Private Labelling is not exactly a new concept; it's been around as long as the industrial age. This happens all the time with supplements, shampoos, consumables, etc. and the concept found its way into Internet Marketing.

Think about it...

Instead of spending thousands of dollars on custom content creation, you can just purchase the Private Label Rights to existing content at a much more affordable price.

Instead of wasting weeks or months of your precious time, you can practically start TODAY - and that was exactly what I did.

All I needed to do was just change up maybe 20% to 30% of the content - change the title, covers, add in some of my own remarks, and off I go.

And because the Internet is huge (and the number of online users grow daily) there's little chance for saturation.

I remember making my first \$500 selling an information product. At the time, it felt like 'big money' but I appreciate the fact that it took only a day to get it up and running!

I would go on to 'create' multiple offers and funnels, several of which hit six figure launch weeks.

As an added bonus, my Customers and other top marketing names thought I was a 'guru' too! But now you know better :)

Would you like to know how you too can get started with your own product line today, and be up and running within the next couple of days instead of forever?

I record a short video for you here

Check it out and let me know what you think.

Write soon,

Edmund Loh

P.S. One of the reasons why most people fail is because they take nearly forever to even get started. It doesn't have to be like that at all.

If you remove the product creation process (the most time consuming part) you practically cut the chase and focus on other things that are more important such as marketing.

That means you can put out more products to sell = more income streams

In other words: you'd turn a monthly income into weekly income.

This will help you cut the chase

Hari 4: Direct Promo

Sekarang kita boleh direct sikit. Prospek anda dah terima 3 e-mel setakat ini, kita boleh straight forward dengan e-mel promo. Di sini, saya guna formula P-A-S.

Problem: kita qualify prospek dengan nyatakan masalah-masalah yang dia hadapi.

Agitate: kita memperbesarkan masalah ini dengan "apakah kos atau akibat kalau anda tak selesaikan masalah ini sekarang?" Boleh juga ambil kesempatan ini ulaskan cara solusi lain tapi tidak begitu ideal berbanding dengan cadangan anda kemudian...

Solution: ... sekarang baru utarakan offer sendiri. Senaraikan juga list benefits kalau ada ruang. Akhiri dengan call to action.

{!firstname_fix}, I'm running a *crazy* sale right now...

I am running a special *CRAZY* sale today, and I'm letting go 9 of my high quality E-Book packages -complete with Private Label Rights - for just one buck each!

I've been creating and manufacturing hundreds of digital products for thousands of marketers to private label and rebrand as their own for years.

For the record, my licenses rarely ever sell for dirt cheap.

This time, I'm making a *tiny* exception as a token of appreciation for my subscribers.

For just one buck each, you can get all 9 products here that you can put your name as the author, edit the contents if you want - and sell them for 100% profits!

[Click Here To Get Them All For One Dollar Each](#)

This is one of those rare chances you can legally 'steal' some of my best works for pennies on the dollar.

So if you want to have your own hot selling products but been struggling to create them, this is your shortcut!

To Your Marketing Success,

Edmund Loh

Hari 5: Peringatan + Urgency

Kita buat peringatan dan kali ini kita tambahkan juga urgency. Urgency boleh buat 3 jenis:

Tawaran masa terhad: harga diskaun ini sah sebelum 30hb September 2020

Tawaran kuantiti terhad: dapatkan sekarang sempena stok masih ada

Tawaran bonus: kalau anda tempah hari ini, saya juga akan tambahkan Bonus 1, Bonus 2, Bonus 3... jumlah nilai RM 1,997 sekarang PERCUMA dengan pembelian offer saya.

Your bonuses for my 9 Bucks PLR

It's Edmund here with a reminder that I am doing a special subscribers only deal where you can get 9 of my marketing titles – with Private Label Rights – for just one dollar each!

[Go here if you haven't seen it yet](#)

And for a limited time, I'm also throwing in some fast action bonuses. I don't do this all the time, and these bonuses are selling at their own prices on my websites.

But if you decide to take my up PLR deal, you get all these Bonuses at no extra cost.

[Claim your bonuses when you get my 9 Bucks PLR](#)

Edmund Loh

P.S. Not going to spoil them here. Go to the link above and see what the Bonuses are about!

Prinsip Menulis E-Mel Untuk Marketing

1. Jangan jadi cikgu!

Ya, anda akan rasa ini langsung tak intuitif dan masuk akal. Sebanyak boleh, jangan cuba nak ajar benda baru dalam e-mel walaupun anda sangat semangat dan mendalami bidang kepakaran anda.

Ini kerana suka tak suka, ramai orang pada tahap ini (prospek, belum lagi beli) biasanya dalam mood menimba "tid bit information". Jangan lupa! Benda berharga yang diberi percuma, jarang dihargai. Nak ajar step by step (how to), itu simpan untuk produk berbayar anda.

2. Sebaliknya break limiting beliefs

Ini bukan terhad kepada e-mel sahaja; mulai sekarang cara anda tulis Post dalam media sosial, sales page, bertutur pun... tumpukan 80% fokus nak "break limiting beliefs" iaitu menyangkal persepsi salah dan kepercayaan-kepercayaan yang menghalang prospek anda dapat results.

Contoh: anda jual supplemen bakar lemak. Prospek nak hilangkan berat badan.

Mengapa dia tak beli sekarang? Mesti ada sebab.

Senaraikan semua sebab / alasan prospek mungkin ada, atau kepercayaan sesat dia ada samada mengenai diri sendiri atau secara umum.

- "Saya cuma perlu bersenam, boleh hilang berat badan dan bakar lemak." - sebenarnya nak hilang berat badan dan bakar lemak dua benda berbeza. Rahsia nak capai dua-dua gol ini patutnya 70% diet 30% bersenam.
- "Saya cuma perlu makan sihat iaitu sayur, buah-buahan, masak di rumah..." - prospek dah amalkan gaya hidup kurang sihat dan tabiat buruk seumur hidup dia, sekarang dia ingat dia boleh jadi sihat dengan segera? Supplemen ini boleh mempercepatkan proses bakar lemak.
- "Saya dah tua..." - boleh kongsikan testimoni pelanggan lain yang sebaya dengan prospek
- "Saya telah cuba banyak program, semua pun tak berhasil. Saya hampir nak putus asa. Supplemen ini sekarang apa beza?" - kongsikan cerita sendiri, berikan gambaran masa depan 90 hari

hingga 5 tahun nanti, apa hasilnya jika dia teruskan keadaan hampa ini vs. ambil keputusan buat perubahan sekarang (one supplement away from change)

Dah dapat rentak, ya? Setiap 1 limiting belief, boleh tumpukan 1 e-mel nak hapuskan kepercayaan sesat itu. :)

3. Karangan e-mel patut pendek.

Jangan tulis esei panjang-panjang. 100 hingga 400 patah perkataan dah cukup. Nak hujah lebih, kasih link ke sales page atau blog post, biar laman web beri semua penjelasan terperinci.

4. Tiap-tiap e-mel mesti ada Call To Action!

- Klik link pergi sales page
- Klik link baca blog post
- Balas e-mel ini
- Ambil survey
- Join FB Group, like on medial sosial

Selalu mesti ada arahan untuk subscriber ambil tindakan. Jangan tulis omong-kosong atau tanpa tujuan, kalau begitu baik jangan hantar e-mel.

Tapi nak pupuk respons dan biar mailing list anda dalam keadaan aktif, saya sarankan lebih ideal anda fikirkan alibi dan tujuan hantar e-mel - boleh promote balik produk sama tapi pakai angle lain, cari affiliate program untuk promote, buat survey dengan pelanggan, dll.

Tak kira apa pun tindakan, EVERY EMAIL MUST GIVE COMMAND TO YOUR SUBSCRIBER.

Untuk pengguna pertama kali, barangkali anda rasa overwhelm sikit, tak mengapa. Yang penting, kena ada Name dan Email.

Anda boleh pilih design yang anda suka dari Template Gallery.

Tip 1: hilangkan Footer, Header, Privacy, Counter, Powered By. Kita tak perlukan semua ini.

Tip 2: Background pun biar lutsinar (transparent) supaya sesuai dibubuhkan di mana-mana Landing Page dalam Langkah 3 nanti.

Tip 3: Butang Submit tukar kepada warna **oren** atau **kuning** untuk lebihkan conversions.

Tip 4: Kalau nak minta nombor telefon, boleh juga, cuma "Create A New Custom Field".

Lepas siap, klik **GO TO STEP 2**.

Settings


Edit your form's properties and choose a thank you page.

Basic Settings Customize your forms properties.

A. Form Name*:
PROSPECTS

B. Thank You Page:
Custom Page
https://plxxtreme.com/freebook/thank-you/
 Open this in a new window

C. Already Subscribed Page:
Custom Page
https://plxxtreme.com/freebook/thank-you/

 Show Advanced Settings

D.

Di bahagian Settings ini:

A. Form Name: boleh bagi apa-apa nama. Ini untuk rujukan anda sendiri. Tiada orang lain boleh lihat.

B. Thank You Page: sama seperti dijelaskan di Langkah 1, inilah halaman web yang subscriber anda akan pergi lepas isikan borang opt-in. Kalau dah ada alamat laman web, isikan di sini sekarang.


C. Already Subscribed Page: kadang-kala akan ada subscriber yang subscribe lebih daripada satu kali. Biasanya saya ulang saja B. iaitu letak balik alamat Thank You Page di sini.


D. **GO TO STEP 3** lepas selesai. Boleh skip "Show Advanced Settings".

Di halaman berikutnya...

Publish

Place your form on your site.



 **You must save your form before it can be published.**

Your form currently has unsaved changes. If you are ready for these changes to appear on your site, choose save for your form, otherwise continue working.

E.

[Go Back](#) [Save Your Form](#)

Have an integration with a website builder like Weebly or WordPress? You're all set! Head back to that site to complete the configuration.

Klik **SAVE YOUR FORM** saja.



Active List | bm-webinar-rahsia-produk... ▾

Dashboard Messages ▾ Subscribers ▾ Sign Up Forms Landing Pages Reports ▾ List Options ▾

Publish

Place your form on your site.

Who Will Publish This Form To Your Website?



I Will Install My Form

You are comfortable with HTML and have access to edit your pages

Javascript Snippet
The Quick and Easy Version

Raw HTML Version
Advanced Design Customization

Recommended

- If you change your form here, you won't have to update your website.
- Track statistics in your account.

You can paste the snippet below anywhere between the body tags of your website:

6.

```
<div class="AW-Form-1418709083"></div>  
<script type="text/javascript">(function(d, s, id) {  
  var js, fjs = d.getElementsByTagName(s)[0];  
  if (d.getElementById(id)) return;  
  js = d.createElement(s); js.id = id;  
  js.src = "//forms.aweber.com/form/83/1418709083.js";
```



My Web Designer Will Install My Form

Send an email to your designer containing the HTML and the instructions they need

Ok sekarang anda sudah ciptakan Sign Up Form anda.

Ada 3 pilihan: anda akan pilih "I Will Install My Form" (pilihan pertama) dan ia akan tunjukkan kod Javascript.

Anda boleh copy paste ini nanti ke dalam Landing Page anda.

Langkah 3: Embed Kod Ke Dalam Landing Page

Oleh kerana terdapat banyak jenis page builder dan cara untuk membina laman web hari ini, saya akan gunakan page builder OptimizePress sebagai contoh bagaimana saya nak embed kod ke dalam Landing Page.

Maklumlah, bagi tiap-tiap page builder yang berlainan ada cara sendiri untuk embed kod. Tapi secara amnya, nak embed kod itu kena buka elemen "Custom HTML", copy paste masuk kod dari Langkah 2, dan borang Opt-in itu akan muncul dalam laman web.

Kalau tak kepastian, boleh merujuk kepada dokumentasi atau support page builder yang anda pakai.


Langkah 4: Add Subscriber Secara Manual

Kadang-kala anda ada prospek atau pelanggan yang telah beli barang anda, tapi anda kena add mereka secara manual ke dalam mailing list anda.

Saya tunjukkan semua step di bawah.

NOTA: anda boleh sediakan fail CSV (exported leads) atau fail teks yang mengandungi butiran dalam format NAMA, EMEL dan NO TELEFON (optional)

Dalam akaun Aweber anda, pergi ke **Subscribers -> Add Subscribers**.



Who Will Publish This Form To Your Website?

Di sini, pilih **IMPORT MULTIPLE**.

Add Subscribers



Add subscribers to your list

You can manually import subscribers one at a time. Have more than 10 subscribers to subscribers or upload a file containing their information. [Learn more about adding su](#)

Have subscribers from another service that you'd like brought into AWeber? Click "Have Migration specialists will transfer in your subscribers - and content - for free!"

Add one at a time

Import multiple

Have AWeber do it for me



Dari sini, anda kena ikut 5 langkah untuk import subscribers.

Pertama sekali, anda boleh pilih untuk muatnaik fail CSV (kalau ada)

RAHSIA EMEL MARKETING

Atau copy paste senarai subscribers seperti contoh format dalam screenshot ini.

Import Subscribers


Upload or import subscribers to the **bm-webinar-rahsia-produk-digital** list.

- 1 Import Subscribers
- 2 Map Subscriber Info
- 3 Confirm Opt-in
- 4 More Options
- 5 Background Info

Add subscribers you want to import to **bm-webinar-rahsia-produk-digital** list

Read our [Imports Guidelines](#) to learn more about our best practices. To add a single subscriber, you can also use the Add a Subscriber form

Drop or browse to upload your file



Type or paste subscribers

OR

```
NAMA, EMEL@EMEL.COM, NO TELEFON
John, johnsmith@gmail.com, 60123456789
Ali, aliahmad@yahoo.com, 60123456789
Siti, sitisiti@hotmail.com, 60123456789
```

Separate each field with a comma and enter each subscriber on a new line.

Next: Map fields

Kemudian klik **NEXT: MAP FIELDS**.

Map the data you want to include to your subscriber fields

Email is the only required subscriber field. If you don't want to include a detail, simply skip mapping that column, or select "Skip" from the menu.

| Column headers | Subscriber fields |
|----------------|---|
| NAMA | <input checked="" type="radio"/> First Name |
| EMEL@EMEL.COM | <input checked="" type="radio"/> Email |
| NO TELEFON | <input type="radio"/> Select a field |

Start over

Next: Confirm Opt-in

Di sini, anda perlu kaitkan Subscriber Field dengan butiran yang betul.


Nama dan E-mel memang dah ada.

Bagi No Telefon (atau Custom Fields lain) kena buat baru. Anda boleh ciptakan Field baru dan beri nama "No Telefon".

Selepas ini, klik **NEXT: CONFIRM OPT-IN**.

Import Subscribers

Upload or import subscribers to the **bm-webinar-rahsia-produk-digital** list.



Decide if you want new subscribers to confirm their subscription to this list [?](#)

- No, they do not need to confirm to join my list
- Yes, send my confirmation message to my new subscribers


Back

Next: More Options

Tak perlu buat apa-apa pindaan. Klik **NEXT: MORE OPTIONS**.

Import Subscribers

Upload or import subscribers to the **bm-webinar-rahsia-produk-digital** list.



Decide if you want new subscribers to confirm their subscription to this list [?](#)

- No, they do not need to confirm to join my list
- Yes, send my confirmation message to my new subscribers

Back

Next: More Options

Di sini anda ada pilihan untuk buat tagging kepada Subscribers anda.

Bagi advanced email marketers, fungsi ini ada kegunaan. Tapi kalau anda masih newbie, tak perlu buat apa-apa di sini. Saya pun tak selalu pakai function ini.

Klik **NEXT: BACKGROUND INFO.**

Import Subscribers

Upload or import subscribers to the **bm-webinar-rahsia-produk-digital** list.

✓ Import Subscribers ✓ Map Subscriber Info ✓ Confirm Opt-in ✓ More Options 5 Background Info

How did these subscribers join your list? ?

- They signed up on my website
- They gave me their info in person
- They bought my product or service
- I purchased this list
- Other

Let us know if you are importing these subscribers from another email provider

- No, they are not coming from another provider
- Yes, they are coming from another provider

Back Submit your import

Ok step ini penting. Kena nyatakan sumber leads ini datang dari mana.

AMARAN! Autoresponder seperti Aweber ada syarat-syarat ketat untuk kemasukan leads ini. Jadi jangan cuba buat benda yang bukan-bukan seperti import leads dari sumber yang tak sah, spam, dan yang seumpamanya.

Yang penting, ini semua leads yang genuine iaitu mereka kenal anda, mereka dah sedia maklum akan masuk mailing list anda (contoh: pelanggan, prospek)

Jadi boleh pilih mana-mana jawapan yang tepat (yang kena highlight itu, biasanya pilihan saya)

Lepas itu, tekan **SUBMIT YOUR IMPORT** dan dah selesai.

Bagaimana Nak Setup Kempen E-Mel Dalam Aweber

Nasihat saya sebelum kita mulakan bab ini: karang semua e-mel anda dalam aplikasi Notepad atau Word. Nanti mudah kita copy paste masuk Aweber.

Sekarang saya anggap anda sudah daftarkan akaun anda dengan Aweber (kalau belum buat, daftar sekarang: <https://EdmundLoh.com/Aweber>)

Juga pastikan anda sudah ciptakan sekurang-kurangnya 1 List dalam akaun Aweber anda - kalau belum juga, rujuk balik bab sebelum ini dan buat sekarang!


Dan kalau anda pakai autoresponder lain, panduan dalam bab ini mungkin tak begitu tepat kerana interface lain, istilah pun lain sikit walaupun semua autoresponder mempunyai fungsi yang serupa.

Bagaimana Nak Setup Kempen E-Mel Follow-Up

Langkah 1: Dalam akaun Aweber, pilih **Messages -> Campaigns**.

PERHATIAN: Jangan pilih Follow-Up Series ya. Bukannya salah, cuma setup ini cara lama, saya ajar cara baru dan lebih fleksibel.

RAHSIA EMEL MARKETING




Klik butang hijau paling kanan **Create A New Campaign**.



Dalam window ini, pilih **Create A Blank Campaign**.

RAHSIA EMEL MARKETING



Boleh bagi apa-apa nama untuk kempen ini. Tiada lain orang akan tahu secara umum; ini untuk kegunaan sendiri. Lepas itu **CREATE**.

New campaign

Give your campaign a name:

Don't worry, you can always change this later.

Cancel

Create


Langkah 2: Baik, sekarang kita dah ciptakan kempen ini. Kita boleh buat 3 perkara secara am:

- Tambah / Delete Mesej E-mel
- Tetapkan Jadual (interval or wait)
- Apply Tag

RAHSIA EMEL MARKETING

Cara setup kempen ini ialah secara visual dan drag and drop. Nanti bila anda dah buat sikit setup, anda akan faham setupnya macam mana juga.

Pertama sekali, klik "**On Subscribe**".




Ini bermaksud bila subscriber dah daftar nak masuk mailing list ini, kempen ini akan trigger.

Belum faham lagi? Tak apa, kita teruskan.

Langkah 3: Kita add e-mel pertama kita.

Perhatikan 3 pilihan Actions di sebelah kiri. Gunakan tetikus untuk drag and drop elemen ke dalam interface utama.


Kita pilih **Send A Message**.



RAHSIA EMEL MARKETING

Lepas drag & drop, next kita nak pilih **Create A Message** di sebelah kanan.


Akan ada dropdown menu, pilih **Email Drag & Drop Builder**.



Ini adalah interface di mana kita nak tulis e-mel. Boleh tulis sini terus, atau saya galakkan anda tulis dalam Notepad atau Word dulu nanti boleh copy paste sini saja. Kemudian anda boleh format dan perkemaskan e-mel anda.

Ini contoh preview:

RAHSIA EMEL MARKETING




Beberapa poin saya nak tekankan bila mengarang dan format e-mel:

- **Subject Line:** masukkan tajuk e-mel (jangan lebih 45-50 character, di bawah 25-30 kalau nak mobile compatible juga)
- **Elemen:** semuanya drag and drop, boleh pilih dari senarai di sebelah kiri. Elemen semuanya asas, jelas dan mudah digunakan. Saya sarankan sebagai test awal, cuba saja semua elemen supaya anda faham kegunaan masing-masing. Jangan bimbang, e-mel ini hanya draft dan takkan dihantar kepada subscriber secara tidak sengaja.
- **Format e-mel anda:** boleh tukar rupa dan saiz font (Arial, 16 lebih baik)
- **Paragraph:** semua teks biasa dan kandungan akan masuk sini.

RAHSIA EMEL MARKETING

- **Personalize Tag:** antara tag-tag yang biasa digunakan ialah {!firstname_fix}. Ini merujuk kepada First Name bila subscriber isikan info ini di opt-in form. Ada tag-tag lain yang boleh digunakan, tapi First Name biasanya paling kerap digunakan. Anda boleh masukkan tag dengan memilih "Personalize".
- **Masukkan link:** lebih baik hyperlink teks daripada membongkarkan URL (begini boleh dapatkan lebih banyak sikit clickthrough)
- **Boleh masukkan imej kalau nak:** disarankan maksimum 1
- **Divider:** saya cadangkan letak Divider di paling hujung bawah sekali. Sebab setiap e-mel yang dihebah akan masukkan juga alamat anda bersama option unsubscribe link. Tak elok kalau kandungan e-mel dekat sangat. Jadi letak Divider, boleh juga letak 3 spacing macam saya buat dalam e-mel ini.


Pastikan e-mel ini dah elok dan kemas, semuanya betul, baru klik **Save & Exit**.



Sekarang kita ada e-mel pertama dalam kempen ini! Ini bermaksud siapa yang subscribe, akan dapatkan e-mel ini dengan serta merta.

Langkah 4: Tentukan jadual selang hari

Bila nak letak e-mel kedua, ketiga dan seterusnya, kita ulang balik langkah 3.



Tapi kalau buat begini, setup sekarang bermaksud subscriber akan terima SEMUA e-mel ini sekaligus! Sudah tentu kita tak nak itu berlaku.

Jadi kita kena setup **WAIT**.

Pilih Wait dari menu sebelah kiri, drag and drop masuk interface ini seperti biasa.

RAHSIA EMEL MARKETING

Campaign: NON BUYERS DRAFT

Current List: bm-mesinkomisen-buyers

Actions

- Send a Message
- Wait
- Apply Tag

Tip: Double-click to add to bottom

- Start Campaign: On Subscribe (Replace Trigger)
Trigger campaign for New subscribers
- Send Message: Download laporan percuma anda
Copy Remove
- Wait: 1 day before performing the next action
Time: 9:00 am on Any Day
Copy Remove
- Send Message: Bagaimana saya mula berniaga online...
Copy Remove
- Send Message: 1 rahsia transformasi bisnes affiliate
Copy Remove
- Send Message: Panduan affiliate 5 angka RM sebulan
Copy Remove

Wait

Choose how long to wait before your next action

Set Interval

Perform the next action 1 days after the previous action.

Set Custom Time

Day

| | | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| Sun | Mon | Tue | Wed | Thu | Fri | Sat |
|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|

Selected days are shaded blue

Time

9am

12:00 4:00 8:00 Noon 4:00 8:00 12:00

+ Add New Send Window

Cancel Save & Exit

Kita selit Wait action ini di antara e-mel-e-mel ini. Dah masuk akal sekarang kan?

Ya, sekarang kita tengah tentukan jadual selang sehari (atau beberapa hari, terpulang) dan kalau nak, boleh juga set masa subscriber terima e-mel.

Tip: dalam kempen follow-up e-mel, selang sehari lebih baik, jangan lebih lama. Dan masa e-mel baik letak waktu pagi 8:00 AM - 10:00 AM. Melainkan ada sebab nak buat masa lain, waktu pagi biasanya dapat respons lebih.

Ulangi penambahan Wait sehingga kempen rupa macam ini:

RAHSIA EMEL MARKETING

Current List: bm-mesinkomisen-buyers

Campaign: NON BUYERS DRAFT

Actions

- Send a Message
- Wait
- Apply Tag

Tip: Double-click to add to bottom

Wait: 1 day before performing the next action
Time: 9:00 am on Any Day

Send Message: Bagaimana saya mula berniaga online...

Wait: 1 day before performing the next action
Time: 9:00 am on Any Day

Send Message: 1 rahsia transformasi bisnes affiliate

Wait: 1 day before performing the next action
Time: 9:00 am on Any Day

Send Message: Panduan affiliate 5 angka RM sebulan

Wait: 1 day before performing the next action
Time: 9:00 am on Any Day

Send Message: Kalau bukan anda, siapa lagi? Kalau bukan sekarang, bila lagi?

Wait configuration:
Choose how long to wait before your next action
Set Interval: Perform the next action 1 days after the previous action.
Set Custom Time: Day (Sun-Sat), Time (9:00 am)

+ Add New Send Window

Cancel Save & Exit

Kalau dah siap, dah confirm, baru **SAVE & EXIT** di hujung bawah kanan sekali.

Sekarang Campaign List ini dalam Draft mode.

Campaigns

An automated series of messages sent to subscribers based on their interactions.

| Campaign List | Status |
|---|--------|
| NON BUYERS Created: 27 minutes ago Last Updated: 1 minute ago Delete Copy Copy to List Sharing Options | Draft |
| BUYERS | |

Activate Campaign

Klik butang kanan untuk **Activate Campaign** - dan siap!

| Campaign List | Status |
|---|--------|
| NON BUYERS Created: 27 minutes ago Last Updated: now Copy Copy to List Sharing Options | Active |

RAHSIA EMEL MARKETING

Kempen anda sudah aktif. Kalau nak test, cuba opt-in sendiri tengok ada terima e-mel ke tidak.


Jangan bimbang, kalau nak edit, boleh balik dan buat ubahsuaian nanti.

Dan kalau tak nak list ini lagi, boleh tukar status kepada Pause Campaign atau Stop Campaign.

Bagaimana Nak Buat Broadcast (Hebahan)


Nak buat Broadcast lebih terus terang prosesnya.

Di menu atas, pergi ke **Messages -> Broadcast**. Peringatan bahawa anda telah pilih List yang betul (rujuk balik "active list" di hujung atas kiri)




RAHSIA EMEL MARKETING

Seterusnya, klik butang hijau paling kanan **Create A Message** kemudian pilih **Drag & Drop Email Builder**.



Di sini, anda boleh karang e-mel anda.



Kalau dah tulis e-mel dalam Notepad atau Word, boleh copy paste isi kandungan masuk.

Dan seperti pernah diajar tadi, anda boleh:


RAHSIA EMEL MARKETING

Subject Line: masukkan tajuk e-mel (jangan lebih 45-50 character, di bawah 25-30 kalau nak mobile compatible juga)

Format e-mel anda: tukar rupa dan saiz font (Arial, 16 lebih baik)

Masukkan link: lebih baik hyperlink teks daripada membongkarkan URL (begini boleh dapatkan lebih banyak sikit clickthrough)

Boleh masukkan imej kalau nak: disarankan maksimum 1



Lepas buat pemeriksaan semula dan sah semua ok, baru klik **SAVE & EXIT**.

Sekarang e-mel ini baru dalam keadaan DRAFTS.

RAHSIA EMEL MARKETING

Drafts

Create and send your draft messages here.

Create a Message ▾

Drafts | Blog Broadcast Drafts

Select All | Delete

Nak buku saya? (cuma bayar postage)
Created: 8 minutes ago | Modified: 2 seconds ago
[Send a Test](#) | [Delete](#) | [Copy](#) | [Copy to List](#) | [Spam Score](#)

Send Options ▾
Schedule a Broadcast
Add to Follow Up Series

Preview: [HTML](#) | [Plain Text](#) | [Edit](#)

Hei {firstname_fix},

Dulu saya ada terbit buku "[Crushing IT!](#)" - saya kongsiikan perjalanan saya dalam Internet Marketing, dan juga 12 steps ke sukses.

Buku ini masih dijual kat bookshop pada harga RM38.80.
Tapi dulu saya ada beli stok dari Publisher dan simpan sampai sekarang.

Kalau nak, saya bagi percuma?
Saya cuma minta tolong cover kos pos laju RM10, itu saja.
[Klik sini untuk dapatkan buku ini dan saya hantar melalui Pos Laju](#)

Edmund Loh
P.S. Buku diterbitkan dalam Bahasa Inggeris.

Nak jadualkan emel ini untuk hebahan, klik **SEND OPTIONS -> SCHEDULE A BROADCAST**. Satu window akan muncul.

Broadcast Settings

Subject: Nak buku saya? (cuma bayar postage) [↗](#)

A. Do you want to share this message? [Edit](#)

Broadcast Archive: **Enabled** | Facebook: **Don't Share** | Twitter: **Don't Share**

B. Who should receive this message? [Edit](#)

Current List: **bm-mesinkomisen-buyers** | Send to Segment: **Active Subscribers**

C. When should this message be sent? [Edit](#)

Send: **Immediately**

D. Do you want tag automations? [Edit](#)

Automations: **0 Applied**

Message Options

- E.** Track clicks on website links in this message. Click automations require click tracking.
- Email me when QuickStats are available

F. [Cancel](#) [Send Message Now](#)

A. Boleh abaikan.

RAHSIA EMEL MARKETING

Broadcasts

Send a one time message to your list.

Create a Message 

Sent Scheduled Split Tests

Scheduled (1)

Nak buku saya? (cuma bayar postage)

This will be sent to "Active Subscribers".

 Scheduled for:
Oct 10, 2020, 08:00 AM GMT+8

Unschedule

[Send a Test](#) | [Preview Message](#) | [Copy to Drafts](#) | [Copy to List](#)  | [Settings](#)

First Prev 1 Next Last

Siap! Anda boleh lihat butiran e-mel ini dah masuk senarai Broadcast dalam List anda. :)

Pemasaran E-Mel: Growth Hacking

Kandungan dalam bab ini adalah berdasarkan nota dan kajian saya dari menghadiri persidangan 3 hari Traffic & Conversion Summit di San Diego, Amerika Syarikat. Saya juga telah lakukan banyak ujian melalui kempen e-mel saya, tapi apa pun saya masih nasihatkan anda buat test sendiri dan selalu memperbaiki kemahiran pemasaran e-mel anda.

1. Saiz font untuk teks dalam e-mel: 16

Didapati saiz 16 adalah lebih selesa untuk dibaca oleh audiens pertengahan umur dan warga emas, dan mudah dibaca dalam telefon bimbit dan mobile tablet. Elakkan saiz 12 - 14 kerana dianggap kecil dan susah dibaca.

2. Imej dalam e-mel: maksima 1

Menggunakan lebih daripada 1 imej meningkatkan kebarangkalian e-mel anda akan disangkut dalam spam folder.

3. Best time to send email?

8:00 - 10:00AM local time berdasarkan time zone subscriber.

Tapi ini tidak bermaksud anda hanya jadualkan e-mel untuk dihantar pada waktu pagi sahaja. Anda boleh rawakkan e-mel anda untuk dihantar waktu malam 8:00PM - 9:00PM pada masa kebanyakan orang dah habis kerja dan balik rumah bersantai.

4. Best day to send email?

Dulu pakar-pakar dapati hari Selasa dan Khamis mencatatkan open rates tertinggi dalam minggu, tapi saya anggap statistik ini adalah kurang relevan hari ini. Ini adalah kerana

(a) statistik ini berasal dari product launch zaman 2000-2010, sebelum era mobile phone dan mobile tablet

(b) sekarang, pengguna Internet dan mobile lebih kerap online berbanding masa dulu. Mereka boleh semak e-mel mereka dan buat keputusan membeli pada bila-bila masa dan tak semestinya di rumah dan pejabat sahaja.

5. Elak menggunakan perkataan-perkataan seperti...

Money

Guarantee

Work From Home

Credit Card

Free

Trial

Opportunity

Income

Profit

Sebenarnya senarai ini lebih panjang - boleh rujuk di sini:

<https://www.autopilotHQ.com/blog/email-spam-trigger-words/>

Sebab utamanya ialah kombinasi perkataan di atas akan trigger spam, dan e-mel anda besar kebarangkalian akan masuk spam folder dan tidak dibaca subscriber.

Ini tidak bermaksud anda langsung tak boleh pakai perkataan-perkataan ini, cuma saya sarankan berhati-hati dan kalau boleh, elakkan daripada menggunakan atau gantikan dengan perkataan lain.

Walaupun senarai ini terhad kepada Bahasa Inggeris, elok juga amalkan tabiat berwaspada waima dalam Bahasa lain.

6. 3 Line Spaces

Lepas sign off e-mel anda, letak 3 spacing (enter 3 times...) supaya footer dan unsubscribe link jauh sikit dan tak terlalu dekat.

Saya pernah test 10 line spacing, Aweber atau mana-mana autoresponder takkan terima perbuatan ini dan boleh auto-detect. 3 line ialah maksimum.

7. Hyperlink The Text

Apabila kongsi link (pautan) dalam e-mel, elok jangan pakai macam ini:

<https://internetmarketingmalaysia.com/>

Sebaliknya hyperlink teks Call-To-Action macam ini:

[Get started now](#)

[Click here to download now](#)

[Get instant access today](#)

8. Kalau nak beri alamat web penuh pun...

Eja alamat macam ini (Camel Case):

www.InternetMarketingMalaysia.com

Ada lebih authority sikit dan mudah baca berbanding dengan www.internetmarketingmalaysia.com

9. Link: Top Middle Bottom

Dalam kandungan e-mel anda, anda nak ulang call to action 2-3 kali, maksimum 4 kalau e-mel panjang sikit.

Biasanya tempat nak letak link adalah di atas (above the fold), di tengah, dan akhir sekali.

10. Readability

Setiap perenggan ada 1 - 3 line maksimum supaya mudah baca dan hadam oleh subscriber dan pelanggan.

11. Subject Line - maks 50 characters

Kalau boleh, di bawah 30 characters supaya boleh dibaca penuh dalam mobile phone juga.

12. 7 is better than seven

Maksudnya lebih baik tulis digit, angka dan bukan eja penuh. Kalau anda rujuk balik headline dalam surat khabar dan news site, anda akan dapati nombor-nombor yang tertera selalunya digit dan bukan perkataan.

13. Jangan Sebut Harga!

Sekurang-kurangnya jangan sebut dalam e-mel. Boleh beri petanda, tapi jangan bocorkan harga (biar sales page yang buat jualan dan penjelasan penuh) sekali lagi, tugas e-mel ialah pre-sell iaitu "sell the click" dan hantar prospek ke sales page. Jangan sesekali tampil semua kandungan sales page dalam e-mel!

Kalau anda jual perkhidmatan atau produk berharga tinggi, sudah tentu prospek anda akan tumpukan perhatian ke atas harga sahaja dan tiada peluang melihat nilainya.

14. Amalkan tabiat menyimpan swipe emails.

Kalau anda subscribe ke list otai lain, apabila anda terima e-mel yang anda suka, didapati menarik, anda boleh save dan simpan dalam folder "Swipe Emails" untuk rujukan masa depan dan dapat ilham macam mana nak tulis e-mel anda sendiri.

15. Emoji

Boleh pakai, tapi jangan terlebih (maksima 10) kalau lebih, delivery rate untuk e-mel boleh menerima kesan negatif.

Soalan Lazim

S: Berapa panjang e-mel saya patut tulis?

J: Bila saya tulis e-mel, saya tak beri banyak perhatian ke atas word count. Tapi untuk rujukan, di antara 100 hingga 300 patah perkataan.

Yang lebih penting ialah mesej kena jelas, menarik dan tidak mengelirukan.

S: Berapa kerap saya patut hantarkan e-mel ke list saya?

J: Sekerap yang boleh. Kalau boleh hantar hampir tiap-tiap hari, lebih baik.

Jangan hantar sekali-sekala (sekali sebulan, sekali seminggu) saya jamin list anda akan mereput macam itu, waima list itu pelanggan.

S: Saya tengah promosikan satu produk - sendiri atau affiliate. Berapakah e-mel saya patut hantar?

J: Tiada jawapan muktamad.

Seorang tokoh Internet Marketer bernama Eban Pagan (nama samaran Dave DeAngelo) dulu menjual produk Double Your Dating. Beliau ada kempen follow-up e-mel sepanjang tahun (365 hari) hanya untuk satu produk sahaja! Eban telah menjana USD100 Million dalam masa 9 tahun melalui funnel tersebut.

Walaupun anda tidak perlu ekstrem sangat, ini menunjukkan memang boleh terus promote 1 produk sepanjang tahun. Beliau selalu ada cerita baru, testimonial baru, limiting belief untuk diatasi, dll. dalam tiap-tiap follow-up e-mel dia.

Pada masa yang sama, jangan hanya hantar 1-2 e-mel, tak nampak results, lepas itu putus asa. Kebanyakan kali prospek:

- tak buka e-mel (mungkin sibuk, e-mel masuk spam folder?)
- rasa subject line tak menarik atau tak dapat perhatian dia
- teragak-agak nak buat keputusan
- belum yakin lagi nak ambil tindakan sekarang
- dan alasan-alasan lain...

Oleh itu, bila rancang kempen e-mel, kena ada angle-angle baru dan berlainan. Tak boleh asyik hentam angle sama (ini seperti main video game, asyik guna move yang sama)

Secara peribadi, saya ada kempen e-mel saya hantar 4-7 e-mel. Ada yang saya hantar sekali sekala, tapi sepanjang tahun. Ingat! Subscriber sudah dalam list anda, andalah market leader kepada mereka! Mereka ikut petua dan kebijaksanaan anda dalam bidang yang anda mahir itu.

S: Bagaimana saya boleh turunkan kadar unsubscribe? Bolehkah ini dihalang atau dielakkan?

J: Bagi email marketer yang masih baru, anda sudah pasti kena berdepan dengan realiti bahawa memang akan ada orang akan tinggalkan list anda. Tak kira prospek ataupun pelanggan.

Ini tidak boleh dihalang ataupun dielak, dan ini tidak semestinya kena mengena dengan cara anda menulis e-mel anda ataupun cara anda buat penampilan diri.

Maklumlah, kalau anda fikir anda harus hebah e-mel sedikit, ini adalah satu kesilapan! Saya sudah jelaskan rasional saya mengapa anda perlu ada frekuensi hebahan e-mel anda (supaya saya tak perlu ulang sekali lagi di sini)

Yang penting, subscriber anda patut jangkakan yang anda memang akan hantar e-mel mengenai bidang anda dan sudah maklum tujuan mereka subscribe kepada list anda. Tak suka, mereka boleh unsubscribe bila-bila masa.

Dengan itu, anda bebas menghantar e-mel dengan syarat anda berpegang kepada bidang utama anda dan jangan lari topik (contoh: anda sifu dalam Internet Marketing, janganlah lari topik nak jual hartanah pula)

Ada hikmah juga bila orang unsubscribe; ini bermaksud ini bukan untuk mereka dan anda tak bazirkan masa dengan orang yang tak sesuai.

Dan cara paling best nak selesaikan unsubscribe? Perbanyakkan marketing dan dapat lebih banyak trafik. Itu saja.

S: Bagaimana nak tingkatkan open rate e-mel?

J: Uji subject line terlebih dahulu. Inilah benda pertama subscriber anda lihat bila buka Inbox. Prosesnya selalu elimination - delete semua yang tak penting atau tak menarik, dan kemudian baca yang lain.

Isi kandungan itu letak tepi dulu. Selalu test subject line.

Tiada open rate yang dianggap 'best' kerana secara amnya, semakin besar list anda, open rate akan turun kerana volume.

S: Apa itu 'list cleaning'?

J: Bagi advanced marketer dan pemilik mailing list yang dah ada senarai database yang tua (beberapa tahun), kemungkinan besar ramai pengguna e-mel dah drop out, tak check e-mel lagi, kurang berminat setelah sekian lama, meninggal dunia, dll.

Ini boleh mempengaruhi skor e-mel anda dan delivery rate. Jadi apa marketer biasanya buat, mereka akan buat List Cleaning.

Contohnya: buat filter dan tengok siapa yang tak buka e-mel langsung dalam masa 6-12 bulan ini. Sesiapa yang langsung tak buka e-mel

dalam tempoh masa ini boleh dianggap langsung tak berminat, dan boleh delete.

Saya takkan cover step ini secara terperinci dalam panduan ini, kerana ini lebih khusus kepada advanced players yang dah ada list yang lama. Itupun, anda boleh tanya Aweber support macam mana nak buat, tapi buat masa sekarang saya sarankan jangan berikan perhatian kepada step ini.

S: Apa itu Single opt-in atau Double opt-in?

J: Single opt-in merujuk kepada proses biasa untuk subscriber masuk mailing list. Dia hanya perlu isikan borang opt-in iaitu nama, e-mel dan mungkin butiran lain dan dah masuk mailing list. Ini terus terang.

Double opt-in pula ada satu lagi proses pengesahan. Selepas isikan borang opt-in, dia belum masuk mailing list lagi. Dia kena buka Inbox, buka e-mel pengesahan dan klik link di dalam untuk sahkan bahawa dia betul-betul nak masuk mailing list, barulah dia jadi subscriber.

Sedar ke tidak, biasanya double opt-in confirmation ini dipraktikkan oleh membership-based site (Facebook, Instagram) dan software site (Xero, Canva, dll.) di mana anda perlu verify dan activate akaun anda.

Kelebihan fitur double opt-in ialah mutu subscriber lebih tinggi daripada single opt-in, kerana mereka memang berniat nak masuk mailing list anda berbanding dengan single opt-in.

Namun begitu, saya masih gunakan single opt-in kerana:

(a) saya buat iklan berbayar. Saya akan rugi kalau jumlah leads yang saya dapat amat kurang dengan ad spend saya.

(b) bagi ramai audiens khususnya Malaysia, konsep double opt-in ini kurang difahami. Dan saya telah test ini dengan pelanggan dan hadirin seminar (jadi ini bukan siapa-siapa) feedback yang saya dapat ialah mereka tidak tahu mereka perlu sahkan langganan mereka baru masuk mailing list saya, oleh itu saya ada drop rate setinggi 60-70%! Ingat - ini Customer dan Seminar participant, bukan setakat subscriber e-mel sahaja!

Kalau anda guna iklan berbayar, nak maksimakan list saiz anda, baik gunakan single opt-in sahaja.

S: Apa yang dianggap sebagai saiz list besar atau kecil?

J: Soalan ini susah nak jawab. Kalau zaman dulu (2000-an) anda ada list 5,000 - 10,000 ini dianggap besar. Kemudian, ada marketer yang ada saiz list berpuluh dan beratus ribu. Saya pernah mencapai 100,000 - 120,000 subscriber pun.

Tapi game pun dah tukar kemudian kerana yang penting ialah (a) open rate, dan (b) siapa yang beli dan berapa.

Walaupun kena bina list yang bertumbuh, jangan taksub sangat dengan saiz list sahaja. E-mel list anda walaupun ada 10, 100 atau beribu-ribu subscriber. E-mel tetap e-mel - jangan tunggu!

Menuju Pembinaan Bisnes Online 5-6 Angka Sebulan Dengan E-mel

Tahniah! Anda sudah sampai penghujung panduan ini (janji jangan skip sampai sini ya... kalau benar, balik mukasurat pertama dan ikut!)

Kerana anda sampai sini, ini menunjukkan anda serius dan sudah mencapai top 10% yang habis ikut panduan.

Sedar ke tidak, ramai orang beli panduan, kursus, hadir seminar atau webinar tapi jarang habiskan apa lagi praktikkan apa yang mereka belajar. If you don't use it, you lose it.

Ini hasil sepanjang kerjaya saya sebagai seorang Internet Marketer, dan saya telah rumuskannya dalam bentuk panduan ini. Berkat kepada pemasaran e-mel (dan juga skill Internet Marketing secara menyeluruh) syukurlah saya dapat membina bisnes yang menghasilkan 8 angka RM jualan secara total.

Tapi apakah nilai kemahiran ini kepada anda?

Adakah anda akan dapat 0 result? (kalau tak buat apa-apa, ini sudah pasti kesudahannya)

Atau anda bakal menjana beribu-ribu ringgit, berpuluh ribu ringgit sebulan? Mungkin lebih? (peluang amat cerah, selagi anda pantang menyerah!)

Ingat! Teori sahaja takkan dapat results. Dan seperti kemahiran lain, menulis dan buat e-mel marketing pun kena latih juga. Kalau tak dapat results terus, jangan mudah hampa dan teruskan usaha. Saya selalu percaya kerja keras tak pernah mengkhianati.

Kerja saya share ilmu saya berakhir di sini, tapi kerja anda untuk bina bisnes sendiri baru bermula.

Dan mana tahu, anda bakal menjadi Internet Marketing superstar seterusnya!

Semoga sukses selalu,



P.S. Kalau nak jimat masa sikit atau mudah start dengan e-mel marketing, saya dah sediakan satu pakej templat e-mel yang anda boleh edit, ubahsuai dan guna untuk marketing.

Klik link ini untuk maklumat lanjut:

<https://InternetMarketingMalaysia.com/Super-Emel-Templates>

Bio Pengarang: Edmund Loh



- Usahawan Internet sejak tahun 2005
- Pengasas dan Pengarah syarikat Pemasaran Internet dan Penerbitan Digital, Musemancer, berpusat di Petaling Jaya, Selangor
- Mula perniagaan secara online sebagai reseller dan affiliate; kemudian menjadi vendor dan jual produk digital sendiri
- Telah melatih lebih daripada seribu ahli perniagaan, pemasar dan jurujual melalui seminar dan bengkel live tentang Internet Marketing
- Telah mengarang buku "Secrets Of Millionaire Students" (national bestseller in Singapore) dan "Crushing It" (Amazon Kindle bestseller)
- Pernah muncul dalam media tempatan termasuk The Star, Management Malaysia dan Borneo Post
- Hobi beliau termasuk berjogging, mendaki dan sukan lasak